



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tel: 03-88877033 Faks: 03-8881 1008

YB HANNAH YEOH RASMIKAN HARI TERBUKA PUTRAJAYA 2026

PUTRAJAYA, 29 JANUARI 2026 – Majlis Perasmian Hari Terbuka Putrajaya 2026 hari ini disempurnakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Turut hadir adalah YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, YB Datuk Lo Su Fui, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya, bersama barisan kepimpinan kerajaan Persekutuan, wakil kementerian dan agensi, rakan strategik serta warga Putrajaya.

Bersempena Perasmian Hari Terbuka Putrajaya 2026, YB Hannah Yeoh turut melancarkan: (1) Laman Web Pelancongan Putrajaya bagi mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan bandar, rekreasi dan acara, (2) Aplikasi Mudah Alih Putrajaya sebagai platform digital bersepadu yang memudahkan orang ramai mengakses maklumat dan perkhidmatan bandar dan (3) Laman Web Local Agenda 21 (LA21) yang bertujuan memperkukuh penglibatan komuniti dan tadbir urus mampan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Hari Terbuka Putrajaya 2026 akan berlangsung selama empat (4) hari bermula 29 Januari hingga 1 Februari 2026 bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya dengan konsep “Satu Destinasi, Pelbagai Solusi”. Acara mega ini menghimpunkan hampir 500 pempamer dan reruai jualan melibatkan kementerian dan agensi kerajaan serta sektor swasta yang meliputi institusi kewangan, syarikat telekomunikasi, industri pelancongan, pendidikan, TVET, kesihatan dan gaya hidup serta usahawan tempatan. Hari Terbuka Putrajaya 2026 menawarkan pelbagai pengisian merangkumi perkhidmatan oleh sektor awam, pameran pelancongan berskala besar, program pendidikan dan kerjaya, aktiviti keluarga dan rekreasi, pameran kreatif, zon makanan dan minuman serta persembahan pentas.

Penganjuran ini turut disepadukan dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2026 dan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan Putrajaya ke-30. Selain itu, inisiatif Jom Masuk U dan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 turut menyokong agenda nasional dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan, pembangunan modal insan, pemerkasaan ekonomi komuniti dan promosi pelancongan bandar.

Perbadanan Putrajaya telah mendapat sokongan dan kerjasama erat daripada pelbagai rakan strategik terutamanya Jabatan Wilayah Persekutuan, Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta. Penglibatan komuniti setempat melalui inisiatif Jualan Sejati MADANI dan sokongan rakan media seperti Suria FM selaku radio rasmi turut menyumbang kepada kemeriahan serta impak positif penganjuran program ini.

Hari Terbuka Putrajaya 2026 akan menjadi platform berimpak tinggi dalam merapatkan hubungan antara Kerajaan, industri dan rakyat, di samping memperkukuh kedudukan Putrajaya sebagai bandar pentadbiran mampan yang mesra pelancong, selamat dan berdaya huni.



SITI FADHILAH BINTI RAMLI

Pengarah (Komunikasi Korporat)

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 28/1/2024

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Asmawi bin Ahmad di talian 017-3132590 dan Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564.